



Peringkat prasekolah, rendah, menengah, lepas menengah, Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Kolej Matrikulasi (KM)

Merangkumi

- Sesi persekolahan bagi semua peringkat iaitu prasekolah, rendah, menengah dan lepas menengah termasuk IPG dan KM
- Pengajaran dan pembelajaran (PdP) di rumah (Home-Based Learning (HBL)) dilaksanakan di semua peringkat mengikut kesesuaian/keperluan sekolah/IPG/KM

Semua aktiviti dibenarkan kecuali

- Sebarang bentuk perhimpunan atau aktiviti yang melibatkan murid/pelajar, guru/pensyarah dan warga sekolah/IPG/KM berkumpul beramai-ramai dalam premis sekolah/IPG/KM seperti majlis graduasi, majlis pelancaran program dan majlis persaraan
- Aktiviti yang melibatkan orang luar atau penggunaan premis oleh orang luar

Arahan tetap

Mematuhi:

- Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah
- Garis Panduan Pembukaan Semula Prasekolah
- Garis Panduan Pengoperasian Surau Sekolah
- Garis Panduan Murid Berkeperluan Khas
- Garis Panduan Pengurusan IPS Kategori Pusat
- Garis Panduan Pengurusan Asrama Sekolah
- Garis Panduan Pengurusan Pentaksiran Pusat dan Peperiksaan Awam
- Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum
- Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Amali Teknikal Dan Vokasional
- Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Institut Pendidikan Guru Dan Kolej Matrikulasi

Waktu Beroperasi

7.00 pg – 4.00ptg
(sekolah satu sesi)
7.00 pg – 6.45ptg
(sekolah dua sesi)
8.00 pg – 6.00 ptg (IPG)
8.00 pg – 5.00 ptg (KM)

Waktu Kehadiran Pelanggan

8.00 pg – 5.00 ptg

Kapasiti Murid/Pelajar dan Pekerja

- Semua murid/pelajar
- 100% pekerja

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Penjarakan fizikal	Memastikan penjarakan fizikal satu (1) meter dalam semua aktiviti semasa sesi persekolahan.
Kebersihan tangan	Memastikan murid/pelajar, guru/pensyarah dan warga sekolah/IPG/KM kerap mencuci tangan menggunakan air dan sabun. Boleh menggunakan <i>hand sanitizer</i> sekiranya tiada kemudahan air dan sabun.
Pemeriksaan kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> Mengambil dan memeriksa suhu murid/pelajar, guru/pensyarah dan warga sekolah/IPG/KM serta semua pekerja di pintu masuk sekolah/IPG/KM atau dalam kawasan berhampiran pintu masuk utama. Memastikan semua murid/pelajar, guru/pensyarah dan warga sekolah/IPG/KM melalui saringan status kesihatan dilaksanakan setiap hari di lokasi yang ditetapkan sebelum sesi persekolahan/kuliah bermula. Pemeriksaan ini juga dilakukan untuk mereka yang mempunyai urusan di sekolah/IPG/KM. Jika suhu badan melebihi 37.5° celcius atau demam dan bergejala, pelajar, guru/tenaga pengajar, pekerja atau pelawat tidak dibenarkan masuk ke dalam kawasan sekolah/IPG/KM dan dinasihati membuat pemeriksaan di klinik. Jika ada murid/pelajar yang menunjukkan tanda bergejala di sekolah, mereka perlu memakai pelitup separuh muka, ditempatkan di bilik isolasi sehingga diambil oleh ibu bapa.
Pembersihan dan disinfeksi	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan kawasan sekolah/IPG/KM bersih dan selamat untuk digunakan. Sekiranya terdapat kes positif COVID-19 di sekolah/IPG/KM, SOP yang telah ditetapkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah perlu dipatuhi.
Hebahan maklumat langkah kebersihan dan keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan hebahan mengenai langkah kebersihan dan keselamatan dibuat melalui siar raya pada waktu pagi, waktu rehat dan sebelum tamat sesi persekolahan/kuliah setiap hari. Peringatan tentang keselamatan dan kebersihan dilaksanakan secara berterusan semasa PdP.
Jarak antara dua (2) orang murid/pelajar	Jarak antara dua (2) orang murid/pelajar adalah mengikut konsep penjarakan fizikal yang digunakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu <i>people to people distance</i> sekurang-kurangnya satu (1) meter
Aplikasi MySejahtera	Warga sekolah/IPG/KM digalakkan mendaftar aplikasi MySejahtera ke dalam telefon bimbit masing-masing.
Pemakaian Pelitup Separuh Muka	<ul style="list-style-type: none"> Murid/pelajar yang mempunyai masalah berkaitan imuniti badan yang rendah perlu sentiasa memakai pelitup separuh muka. Guru dan pembantu pengurusan murid bagi prasekolah dan keperluan khas.